



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

SIARAN MEDIA

PERMOHONAN UPUONLINE® BAGI KEMASUKAN KE UNIVERSITI AWAM (UA), POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI (KK) DAN MARA BAHAGIAN PENDIDIKAN TINGGI (MARA BPT) SESI AKADEMIK 2026/2027

Sukacita dimaklumkan bahawa **permohonan kemasukan pelajar Sesi Akademik 2026/2027** ke program **Sijil, Asasi, Diploma & Ijazah Sarjana Muda** di 20 Universiti Awam (UA), 36 Politeknik, 106 Kolej Komuniti (KK) dan dua (2) institusi dari MARA Bahagian Pendidikan Tinggi (MARA BPT) melalui UPUOnline® akan **dibuka pada 29 Januari hingga 23 Mac 2026 bagi Fasa Permohonan Lulusan SPM dan Fasa Pertama Lulusan STPM/ Setaraf**; dan seterusnya pada **13 April 2026 hingga 15 Mei 2026 bagi permohonan Fasa Kedua Lulusan STPM/ Setaraf**.

Permohonan terbuka kepada pelajar Lulusan SPM dan STPM/Setaraf bagi semua program pengajian pada Fasa Permohonan Lulusan SPM dan Fasa Pertama Lulusan STPM/ Setaraf, manakala hanya program pengajian yang tidak bertemu duga dan/atau ujian sahaja dibuka pada permohonan Fasa Kedua Lulusan STPM/ Setaraf.

Pembelian **No. Pin UPUOnline®** boleh dibuat melalui **Bank Simpanan Nasional (BSN)** mulai **28 Januari 2026** sebelum mengemukakan permohonan dengan **harga RM 10.60 (termasuk cas perkhidmatan)**. Kaedah bayaran No. Pin UPUOnline® di BSN adalah melalui 387 Kaunter Cawangan BSN, 843 Automatic Teller Machine (ATM) BSN dan Perbankan Internet myBSN. **BSN akan mengeluarkan No. Pin UPUOnline®** beserta salinan resit pembayaran. Sila pastikan slip pembayaran sebagai bukti sah pembelian disimpan untuk rujukan.

Semua calon yang berkelayakan adalah dipelawa mengambil peluang ini bagi menyambung pengajian di peringkat pendidikan tinggi. Terdapat sebanyak **363 program pengajian ditawarkan kepada Lulusan SPM dan 1,146 program pengajian ditawarkan kepada Lulusan STPM/Setaraf oleh UA, Politeknik, KK dan MARA BPT** seluruh negara.

Sebarang pertanyaan berkenaan dengan permohonan UPUOnline® tersebut boleh dimajukan ke Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA secara terus di alamat berikut:

BAHAGIAN KEMASUKAN PELAJAR IPTA

JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

ARAS 4, MENARA 2, JALAN P5/6, PRESINT 5

62000 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

No. Tel: 03-8684 2363

E-mel: upu@mohe.gov.my

Facebook & Instagram: BKPA UPU

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

22 JANUARI 2026

